



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

14 OGOS 2025 (KHAMIS)

13.66 Tan Karkas Babi Tanpa Permit dilupus

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	Online	14 Ogos



SEBAHAGIAN daripada 13.66 tan karkas babi yang dirampas JPV Terengganu di Bukit Apil, Besut baru-baru ini.

13.66 tan karkas babi tanpa permit dilupus

- **Dua lori yang mencurigakan ditahan di Bukit Apil**
- **Kenderaan suspek diekori PGA dari Pasir Puteh, Kelantan**

Oleh **NURSYASYA NADHIRAH ZABIDI**

KUALA TERENGGANU – Sebanyak 13.66 tan karkas babi yang dibawa tanpa dokumen perjalanan sah telah dilupuskan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Datuk Dr. Azman Ibrahim berkata, pelupusan itu dilakukan setelah

menerima perintah mahkamah pada Ahad lalu.

“Karkas itu dirampas daripada operasi menahan dua lori mencurigakan yang membawa muatan berkenaan pada Sabtu lalu.

“Dua lori terbabit diekori Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 Kelantan dari Bukit Yong, Pasir Puteh, Kelantan sebelum ditahan di Bukit Apil, Besut dekat sini,” katanya di sini semalam.

Azman berkata, dua lori terbabit kemudiannya diserahkan kepada Pasukan Penguat Kuasa JPV Terengganu untuk tindakan selanjutnya.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati kedua-dua kenderaan itu membawa karkas babi tidak mempunyai sumber jelas dan tidak melalui proses pemeriksaan disyaratkan.

Azman menambah, kes terse-

but disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Beliau berkata, sebelum ini, hampir 10 metrik tan karkas babi yang juga dipindahkan tanpa kebenaran telah dirampas JPV Terengganu pada 2023.

“Kita tidak menolak kemungkinan pemindahan karkas babi tanpa permit itu dilakukan berikutan kawalan ketat susulan penularan wabak Demam Babi Afrika (ASF) di beberapa negeri.

“Sampel karkas babi itu telah diambil bagi mengesan kemungkinan kehadiran penyakit ASF yang telah dilaporkan di beberapa negeri seperti Pulau Pinang dan Selangor,” katanya.

Azman berkata, JPV akan terus memperketat penguatkuasaan bagi memastikan bekalan makanan ternakan yang memasuki ke negeri ini bebas daripada penyakit berbahaya.

Sasar Kutipan Rm1.2 Juta Pada Program Mini Maha Pahang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Pahang Media	Setempat	Online	13 Ogos



Majlis pelepasan konvoi kenderaan ke Program Mini MAHA Pahang 2025 oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail di perkarangan lobi Hotel GEO Resort, Genting Highlands.

BENTONG, 13 OGOS 2025 : Program Mini MAHA Pahang 2025 yang bakal berlangsung di Dataran Temerloh selama empat hari bermula esok disasarkan mendapat kutipan hasil sebanyak RM1.2 juta.

Menurut Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pahang, Encik Muhd Rizal Baharom, program yang julung kali diadakan ini juga dijangka dapat menarik kehadiran 50,000 pengunjung.

"Kita mensasarkan kedatangan pengunjung seramai 50,000 orang dan

sasaran kutipan kita kali ini adalah sebanyak RM1.2 juta.

"Ia melibatkan semua iaitu pempamer, peniaga dan sebagainya dengan pempamer terlibat adalah seramai 100 orang pempamer," katanya.

Beliau berkata program ini juga menjadi platform utama untuk mempamerkan hasil pertanian, penternakan, perikanan, inovasi teknologi agromakanan serta peluang perniagaan dalam sektor agro.

“Pada MAHA kali ini yang julung kali diadakan akan menampilkan pelbagai acara menarik, aktiviti menarik antaranya adalah pameran lembu wagyu, lembu sado, dan pameran haiwan ternakan.

“Banyak aktiviti menarik yang boleh jadi tarikan dan orang ramai boleh datang bersama keluarga untuk sama-sama memeriahkan program kita kali ini.

“Selain itu, kita ada pameran produk Pahang Best yang akan dilancarkan yang mana ia merupakan produk ikonik Negeri Pahang dan dijamin sedap,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis pelepasan konvoi kenderaan ke Program Mini MAHA Pahang 2025 oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato’ Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail di perkarangan lobi Hotel GEO Resort, Genting Highlands.

Menurut YAB Menteri Besar Pahang, penganjuran Mini MAHA Pahang 2025 ini selari dengan Aspirasi Pahang 1st dalam memperkukuh keterjaminan makanan negeri, meningkatkan penglibatan belia dalam sektor pertanian moden, dan mempromosikan produk tempatan ke peringkat yang lebih luas.

Pelepasan konvoi yang disertai 25 buah kenderaan daripada pelbagai agensi dan jabatan kerajaan termasuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Jabatan Pertanian Negeri Pahang, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang, Jabatan Perikanan Negeri Pahang, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP), Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh dan CelcomDigi ini bertujuan mempromosikan Program Mini MAHA Pahang 2025.

Program ini turut menyediakan pelbagai acara menarik termasuk pameran teknologi dan inovasi pertanian, pertandingan hasil pertanian, jualan produk segar, demonstrasi masakan, persembahan seni budaya serta aktiviti interaktif untuk semua peringkat umur.

Turut hadir, YB. Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato’ Sri Nazri Abu Bakar; Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang, YB. Dato’ Haji Mohammad Fakhrudin Mohd Ariff; dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. - PAHANGMEDIA

JPV Lupus 13,660 Kg Karkas Babi Tanpa Dokumen Sah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Pas	Terengganu	Online	13 Ogos

KUALA TERENGGANU – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Terengganu akan melupuskan 13,660 kilogram karkas babi yang dipercayai dipindahkan tanpa dokumen perjalanan sah, selepas ditahan di Kampung Apal, Terengganu pada 9 Ogos lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri Terengganu, Dato' Dr. Azman Ibrahim, tindakan itu diambil bagi mengelakkan risiko penularan penyakit berbahaya seperti African Swine Fever (ASF) yang kini dilaporkan berlaku di beberapa negeri termasuk Pulau Pinang dan Selangor.

“Karkas tersebut tidak melalui pemeriksaan ante-mortem dan post-mortem.

“Kita bimbang ia menjadi punca penyebaran ASF yang boleh menjejaskan industri ternakan negara,” jelasnya dalam satu hantaran di media sosialnya hari ini.

Menurutnya, konsainmen itu

dikesan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Kelantan Batalion 8 yang mengekori dua lori dari Bukit Yong, Pasir Puteh menuju ke Kuala Terengganu sebelum menahan kenderaan tersebut.

“Kes kini disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 yang membawa hukuman denda sehingga RM15,000 jika sabit kesalahan.

“Pelupusan karkas akan dilaksanakan sebaik sahaja perintah mahkamah diperoleh,” ujarnya.-

[BERITAPAS](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR